

**NO. SEBUT HARGA: IPL.SH.12/2025****PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN MILIK JABATAN LAUT MALAYSIA  
(PENJUALAN SATU (1) UNIT MULTIBEAM ECHO SOUNDER)**Kementerian/Jabatan: **JABATAN LAUT MALAYSIA**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

| Bil. | Keterangan Aset                                                                                                                                                                                   | No. Siri Pendaftaran     | Kuantiti | Harga Simpanan (RM) |
|------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------|----------|---------------------|
| 1.   | <b>Aset: Multibeam Echo Sounder<br/>Tahun Pembelian: 2003</b><br><br><b>Lokasi: Ibu Pejabat Laut,<br/>Jabatan Laut Malaysia, PT 664,<br/>Jalan Limbungan, 42000<br/>Pelabuhan Klang, Selangor</b> | <b>MOT/IPLP/H/03/172</b> | <b>1</b> | <b>RM100,000.00</b> |

2. Aset boleh dilihat pada **11 November 2025 (Selasa)** hingga **14 November 2025 (Jumaat)** di antara jam **10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari** atau **2.30 petang hingga 3.30 petang** di lokasi yang dinyatakan di atas. Bagi mendapat bantuan, penyebut harga boleh berhubung dengan **Encik Nabil Aiman Bin Mohamad** di talian **011 – 3124 0702**.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4(i). Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat dan di tanda No. Sebut Harga IPL.SH.12/2025 dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:

i) Tempat Mendapatkan Borang Sebut Harga:

**Unit Perolehan, Aras 7  
Ibu Pejabat Laut  
Jabatan Laut Malaysia  
Menara Dius Api  
PT 664, Jalan Limbungan  
42000 Pelabuhan Klang  
Selangor Darul Ehsan.**

ii) Alamat Bagi Menghantar Dokumen Melalui Pos:

Ketua Pengarah  
Ibu Pejabat Laut  
Jabatan Laut Malaysia  
Menara Dius Api  
PT 664, Jalan Limbungan  
42000 Pelabuhan Klang  
Selangor Darul Ehsan

iii) Lokasi Peti Sebut Harga Untuk Penghantaran Borang Sebut Harga:

Aras 1, Ibu Pejabat Laut  
Jabatan Laut Malaysia  
Menara Dius Api  
PT 664, Jalan Limbungan  
42000 Pelabuhan Klang  
Selangor Darul Ehsan

5. Tarikh tutup sebut harga adalah pada **20 November 2025 (Khamis)** jam **12.00** tengah hari.  
Penawaran sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

Tandatangan :   
Nama : Hafizah Binti Meor Osman  
Jawatan : Ketua Unit Perolehan  
Tarikh : 11.11.2025

**SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA**

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Kiriman Wang / Bank Draf sahaja atas nama **AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA-MOT-T**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga.
7. Penyebut Harga yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Penyebut Harga yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.